

08 JUN 1997

PEMUDA UMNO SABAH MINTA MENTERI YANG DISIASAT BPR SUPAYA BERCUTI

KOTA KINABALU, 8 Jun (Bernama) -- Pemuda Umno Sabah hari ini menyarankan agar Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee meminta seorang menteri negeri yang sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) agar bercuti bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan bebas.

Ketuanya Jema Khan Majid berkata langkah itu juga dapat memastikan tidak ada unsur-unsur yang dapat menghalang siasatan.

"Pemuda Umno tidak mahu rakyat terus memainkan isu kononnya berlaku penyelewengan dalam pentadbiran kerajaan negeri Sabah hanya kerana ada menteri yang sedang disiasat," katanya.

April lepas Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Datuk Azmi Khalid memberitahu Dewan Rakyat bahawa tujuh anggota exco negeri terdiri tiga dari Melaka dan masing-masing satu dari Johor, Pahang, Kedah dan Selangor serta seorang menteri di Sabah sedang disiasat oleh BPR.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata kemudian bahawa kelapan-lapan mereka tidak perlu meletakkan jawatan kerana mereka masih dalam siasatan BPR dan agensi itu tidak boleh membuat keputusan seseorang itu bersalah semata-mata kerana ada tuduhan.

Pemuda Umno Sabah juga mendesak agar semua menteri negeri dan pegawai kerajaan negeri mengisytiharkan harta masing-masing. -- BERNAMA

JS MAI